

NOTA TEKNIKAL
TECHNICAL NOTES

1. PENGENALAN

Penerbitan ini membentangkan data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kaedah Pendapatan bagi tahun 2015 hingga 2024. Data dibentangkan mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga semasa. Perangkaan ini disusun berdasarkan konsep dan panduan yang digariskan dalam Sistem Akaun Negara 2008.

2. KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

KDNK boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu Kaedah Pengeluaran, Perbelanjaan dan Pendapatan. Secara konsepnya, KDNK berdasarkan ketiga-tiga kaedah ini memberikan hasil yang sama.

Kaedah Pengeluaran

KDNK berasaskan Kaedah Pengeluaran didefinisikan sebagai jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam ekonomi setelah ditolak dengan nilai penggunaan perantaraan. Kaedah ini turut dikenali sebagai kaedah nilai ditambah.

Kaedah Perbelanjaan

KDNK berasaskan Kaedah Perbelanjaan adalah penjumlahan Penggunaan Akhir Swasta, Penggunaan Akhir Kerajaan, Pembentukan Modal Tetap Kasar, Perubahan Inventori dan Barangan Berharga, Eksport barangan dan perkhidmatan ditolak dengan Import barangan dan perkhidmatan. Kaedah ini mengira nilai barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh pengguna akhir terhadap barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh residen.

Kaedah Pendapatan

KDNK Kaedah Pendapatan ialah hasil jumlah semua pendapatan terakru bagi pengeluaran dalam ekonomi. Justeru itu, kaedah ini membolehkan faktor pendapatan dan pulangan kepada faktor pengeluaran diukur mengikut aktiviti ekonomi. Komponen pendapatan ialah Pampasan Pekerja, Lebihan Kendalian Kasar dan Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import.

KDNK Kaedah Pendapatan dikira seperti berikut:

$$\text{KDNK Kaedah Pendapatan} = PP + LKK + (C - S)$$

di mana;

- | | |
|---------|--|
| PP | - Pampasan Pekerja |
| LKK | - Lebihan Kendalian Kasar |
| (C - S) | - Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import |

3. KOMPONEN KDNK KAEDAH PENDAPATAN

Komponen terperinci KDNK Kaedah Pendapatan adalah seperti berikut:



Pampasan Pekerja

Pampasan pekerja merangkumi saraan dalam bentuk wang tunai atau bukan tunai, yang perlu dibayar oleh sesebuah perusahaan kepada pekerja sebagai balasan bagi kerja-kerja yang telah dilakukan dalam tempoh perakaunan.

Lebihan Kendalian Kasar

Lebihan kendalian operasi sebelum ditolak penggunaan modal tetap dan pendapatan campuran.

Lebihan Kendalian

Mengukur lebihan atau defisit terakru daripada proses pengeluaran sebelum ditolak apa-apa caj faedah implisit atau eksplisit, sewa atau pendapatan harta lain yang dibayar ke atas aset kewangan, tanah atau lain-lain sumber semula jadi yang diperlukan untuk menjalankan pengeluaran. Secara definisi, lebihan kendalian operasi hanya boleh diperoleh oleh industri.

Pendapatan Campuran

Pendapatan campuran meliputi elemen ganjaran yang tidak diketahui bagi kerja yang dijalankan oleh pemilik enterpris atau ahli isi rumah, serta lebihan kendalian hasil daripada pengeluaran.

Penggunaan Modal Tetap

Penggunaan modal tetap didefinisikan sebagai penurunan nilai semasa stok aset tetap yang dimiliki dan digunakan oleh pengeluar dalam tempoh perakaunan disebabkan oleh kerosakan fizikal, keusangan biasa atau kerosakan biasa yang tidak disengajakan.

Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import

Terdiri daripada cukai ke atas produk dan cukai lain ke atas pengeluaran ditolak subsidi ke atas produk dan subsidi lain ke atas pengeluaran.

Cukai ke atas Produk

Cukai yang dibayar bagi satu unit barangan atau perkhidmatan dan biasanya akan dibayar apabila ia dikeluarkan, dihantar, dijual, dipindah atau sebaliknya dilupuskan oleh pihak pengeluar. Cukai tersebut mungkin merupakan satu amaun yang spesifik bagi setiap unit kuantiti barang atau perkhidmatan, atau ia mungkin dikira *ad valorem*, sebagai peratusan spesifik harga satu unit atau nilai barang atau perkhidmatan yang diniagakan. Contohnya, cukai jualan, cukai eksais, duti import, duti eksport dan lain-lain.

Cukai lain ke atas Pengeluaran

Cukai lain ke atas pengeluaran meliputi semua cukai kecuali cukai ke atas produk yang ditanggung oleh perusahaan hasil penglibatan dalam pengeluaran seperti bayaran ke atas tanah, aset tetap atau buruh yang digunakan dalam proses pengeluaran atau untuk aktiviti atau transaksi tertentu. Contoh cukai lain ke atas pengeluaran adalah cukai yang dibayar oleh perusahaan bagi lesen perniagaan, cukai gaji, duti setem dan lain-lain.

Subsidi ke atas Produk

Subsidi yang dibayar bagi satu unit barang atau perkhidmatan. Subsidi ini mungkin dalam amaun spesifik bagi satu unit kuantiti barang atau perkhidmatan, atau ia mungkin dikira *ad valorem* sebagai peratusan spesifik harga satu unit barang atau perkhidmatan. Subsidi ke atas produk biasanya dibayar apabila barang atau perkhidmatan dikeluarkan, dijual atau diimport, tetapi ia juga dibayar dalam keadaan lain seperti apabila barang dipindah, dipajak, dihantar atau untuk penggunaan sendiri atau pembentukan modal sendiri. Subsidi mungkin diberikan untuk mempengaruhi tahap pengeluaran perusahaan residen atau harga di mana output mereka dijual.

Subsidi lain ke atas Pengeluaran

Merangkumi subsidi selain daripada subsidi ke atas produk di mana perusahaan residen mungkin menerimanya hasil daripada penglibatan dalam pengeluaran seperti subsidi ke atas gaji atau tenaga kerja. Subsidi mungkin diberikan untuk mempengaruhi saraan bagi unit institusi yang terlibat dalam pengeluaran.

4. KAEDAH PENGANGGARAN

Penyusunan pampasan pekerja berdasarkan data banci, survei dan data pentadbiran yang diperoleh daripada pelbagai agensi. Cukai dan subsidi diagihkan mengikut komoditi menggunakan struktur Jadual Penawaran dan Penggunaan 2015. Secara teorinya, anggaran KDNK bagi ketiga-tiga kaedah harus menghasilkan nilai yang sama. Walau bagaimanapun, secara praktikal, anggaran nilai bagi ketiga-tiga kaedah ini tidak akan sama berikutan imputasi sumber data yang

berlainan. Perbezaan ini dikenali sebagai “Perbezaan Statistik” dalam Sistem Akaun Negara. Bagi KDNK Kaedah Pendapatan, perbezaan statistik termasuk dalam Lebihan Kendalian Kasar.

5. SKOP DAN LIPUTAN

KDNK Kaedah Pendapatan disusun mengikut jenis aktiviti ekonomi berasaskan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 Ver. 1.0 selari dengan *International Standard Industrial Classification Rev. 4*.

6. PENERBITAN DAN SEMAKAN DATA

Penerbitan ini membentangkan semakan anggaran KDNK Kaedah Pendapatan bagi tahun 2022 dan 2023. Semakan adalah berdasarkan data terkini banci/survei tahunan dan data pentadbiran bagi tahun-tahun tersebut. Bagi tahun 2024, anggaran adalah berdasarkan kepada sumber data suku tahunan.

7. SUMBER DATA

Penyusunan KDNK Kaedah Pendapatan adalah berdasarkan kepada sumber data berikut:

Sumber Data Primer	Sumber Data Pentadbiran
- Jadual Penawaran dan Penggunaan 2015 - Banci Ekonomi - Survei Ekonomi Tahunan - Survei Tenaga Buruh - Survei Gaji & Upah - Survei Pembuatan Bulanan - Survei Pembinaan Suku Tahunan - Banci Perdagangan Borong dan Runcit - Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan - Survei Perkhidmatan Suku Tahunan	- Kementerian Kewangan Malaysia - Jabatan Akauntan Negara Malaysia - Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun - Jabatan Kastam Diraja Malaysia - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) - Perangkaan Getah Bulanan Malaysia - Lembaga Getah Malaysia - Lembaga Minyak Sawit Malaysia - Jabatan Perkhidmatan Veterinar - Jabatan Pertanian - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan - Kementerian Perlindungan dan Komoditi - Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia - Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara - Lembaga Lada Malaysia - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia - Jabatan Perhutanan Sabah - Jabatan Hutan Sarawak - Jabatan Perikanan Malaysia - Perangkaan Petroleum dan Gas Asli - Bank Negara Malaysia - Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) - Laporan Tahunan Syarikat

1. INTRODUCTION

This publication presents data on Gross Domestic Product (GDP) by Income Approach for the year of 2015 to 2024. Data are presented by kind of economic activity at current prices. This statistics are compiled in accordance with the concepts and guidelines outlined in System of National Accounts 2008.

2. CONCEPTS OF GROSS DOMESTIC PRODUCT

GDP can be measured by using three approaches namely Production, Expenditure and Income Approach. Conceptually, GDP by these three approaches produce the same results.

Production Approach

GDP based on Production Approach is defined as the value of total production of goods and services produced in the economy after deducting the value of intermediate consumption. This approach is also known as the value added approach.

Expenditure Approach

GDP based on Expenditure Approach is the summation of Private Final Consumption, Government Final Consumption, Gross Fixed Capital Formation, Changes in Inventories and Valuables, Exports of goods and services minus Imports of goods and services. This approach measures value of goods and services used by final users on goods and services produced by resident.

Income Approach

GDP by Income Approach is the summation of all incomes accruing the production in economy. Thus, this method enables factors of income and the return to factors of production to be measured by economic activity. The income components are Compensation of Employees, Gross Operating Surplus and Taxes less Subsidies on Production and Imports.

GDP by Income Approach is calculated as follows:


$$\text{GDP by Income Approach} = CE + GOS + (T - S)$$

where;

- CE - Compensation of Employees*
- GOS - Gross Operating Surplus*
- (T - S) - Taxes less Subsidies on Production and Imports*

3. COMPONENTS OF GDP BY INCOME APPROACH

Detail components of GDP by Income Approach are as follows:



Compensation of Employees

Compensation of employees includes remuneration, in cash or in kind, payable by an enterprise to an employee in return for work done during the accounting period.

Gross Operating Surplus

The operating surplus before deducting the consumption of fixed capital and mixed income.

Operating Surplus

Measures the surplus or deficit accruing from processes of production before deducting any explicit or implicit interest charges, rent or other property income payable on the financial assets, land or other natural resources required to carry on the production. By definition, operating surplus can only be earned by industries.

Mixed Income

Mixed income includes an unknown element of remuneration for work done by the owner of the enterprise, or other members of the household, as well as operating surplus accruing from the production.

Consumption of Fixed Capital

Consumption of fixed capital is defined as the decline in the current value of the stock of fixed assets owned and used by a producer during the course of the accounting period as a result of physical deterioration, normal obsolescence or nominal accidental damage.

Taxes less Subsidies on Production and Imports

Consists of taxes on products and other taxes on production less subsidies on product and other subsidies on production.

Taxes on Products

Taxes that are payable per unit of some goods or services and usually become payable when they are produced, delivered, sold, transferred or otherwise disposed by their producer. The tax may be a specific amount of money per unit of quantity of a good or service, or it may be calculated ad valorem as a specified percentage of the price per unit or value of the goods or services transacted. For example, sales taxes, excise taxes, import duties, export duties, etc.

Other Taxes on Production

Other taxes on production consist of all taxes except taxes on products that enterprises incur as a result of engaging in production such as taxes payable on land, fixed assets or labour employed in the production process or certain activities or transactions. Examples of other taxes on production are taxes payable by enterprises for business licenses, payroll taxes, stamp duties, etc.

Subsidies on Products

A subsidy payable per unit of a good or service. The subsidy may be a specific amount of money per unit of quantity of a good or service, or it may be calculated ad valorem as a specified percentage of the price per unit of the goods or services. A subsidy on products usually becomes payable when the good or service is produced, sold or imported, but it may be also payable in other circumstances such as when a good is transferred, leased, delivered or used for own consumption or own capital formation. The subsidy may be designed to influence resident enterprises' levels of production or the prices at which their outputs are sold.

Other Subsidies on Production

Consists of subsidies except subsidies on products that resident enterprises may receive as a consequence of engaging in production such as subsidies on payroll or workforce. The subsidy may be designed to influence the remuneration of the institutional units engaged in production.

4. METHOD OF ESTIMATION

The compilation of compensation of employees is based on census, surveys and administrative data obtained from various agencies. Taxes and subsidies are distributed by commodity using the structure of Supply and Use Tables 2015. Theoretically, the estimated GDP for three approaches should arrive at the same value. However, in practice, the estimated value by three approaches will not be equal as an imputation of different data sources. These differences are known as "Statistical Discrepancy" in National Accounts System. For GDP by Income Approach, statistical discrepancy is included in Gross Operating Surplus.

5. SCOPE AND COVERAGE

GDP by Income Approach is compiled by kind of economic activity based on Malaysia Standard Industrial Classification 2008 Ver. 1.0 which is aligned with the International Standard Industrial Classification Rev. 4.

6. PUBLICATION AND DATA REVISION

This publication presents the revision of the GDP by Income Approach for the year 2022 and 2023. The revisions were based on the latest data of census/annual surveys and administrative data for those year. For year 2024, estimation was based on the quarterly data sources.

7. DATA SOURCES

Compilation of GDP by Income Approach was based on the following data sources:

Primary Data Sources	Administrative Data Sources
• Supply and Use Tables 2015 • Economic Census • Annual Economic Survey • Labour Force Survey • Salaries & Wages Survey • Monthly Manufacturing Survey • Quarterly Construction Survey • Wholesale & Retails Trade Census • Monthly Survey of Wholesale & Retail Trade • Quarterly Survey of Services	• Ministry of Finance Malaysia • Accountant General's Department of Malaysia • Financial Statements of the Federal Government, State Government, Local Authorities and Statutory Bodies • Royal Malaysian Customs Department • Employees Provident Fund (EPF) • Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM) • Social Security Organisation (SOCSO) • Monthly Rubber Statistics Malaysia • Malaysian Rubber Board • Malaysian Palm Oil Board • Department of Veterinary Services • Department of Agriculture • Ministry of Agriculture and Food Security • Ministry of Plantation and Commodities • Malaysian Pineapple Industry Board • National Kenaf and Tobacco Board • Malaysian Pepper Board • Forestry Department of Peninsular Malaysia • Sabah Forestry Department • Forest Department Sarawak • Department of Fisheries Malaysia • Petroleum and Natural Gas Statistics • Central Bank of Malaysia • Retirement Fund Incorporated • Annual Report of Companies